

23 AUG 1999

Khalil-Media

MALAYSIA AKAN USAHAKAN MESYUARAT UNTUK KERJASAMA MEDIA

SEREMBAN, 23 Ogos (Bernama) -- Kabinet telah mengarahkan supaya hubungan daripada segi penyiaran radio, televisyen, media cetak dan elektronik antara Malaysia dengan negara Selatan-selatan diperkuatkan lagi untuk meningkatkan persefahaman di kalangan negara-negara berkenaan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata kertas kabinet mengenai perkara itu telah diluluskan dan kini dalam peringkat tindakan termasuk untuk bertukar-tukar program.

"Kita akan mengusahakan mesyuarat dan mengadakan lawatan ke negara Selatan-selatan untuk mengkaji bentuk program itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat kepada 500 pegawai penerangan dari Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan di sini.

Katanya semua kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Luar akan terlibat dalam perkara itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengadakan lawatan ke China baru-baru ini tentang perlunya China dan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara serantau bagi mewujudkan Media Asia, berikutan laporan berat sebelah oleh media Barat.

Dr Mahathir telah berkata negara-negara Asia Timur bimbang dengan tindakan media Barat yang sering membuat laporan tidak tepat dan merosakkan mengenai peristiwa yang berlaku di rantau ini.

Khalil juga berkata beliau sendiri telah membuat perbincangan awal dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) tentang cara-cara untuk memperkukuhkan lagi peranan Bernama dalam kerjasama pertukaran berita dengan agensi berita Asia yang lain.

"Negara Asia lain juga ada mempunyai agensi berita... mereka perlu duduk berunding bersama tentang cara terbaik untuk bekerjasama," katanya.

Beliau berkata banyak pemimpin negara Selatan-selatan telah datang ke Malaysia dan bertemu dengan Dr Mahathir, dan mereka ingin tahu formula kejayaan Malaysia seperti dalam bidang pembuatan kereta Proton, kejayaan Petronas dan sektor pembuatan.

-- BERNAMA

AZ NMO